



Lebuhraya DASH yang bermula di Puncak Perdana dan berakhir di Penchala Link



Hisham Mohamad

Bagi peniaga, **Hisham Mohamad**, 54, laluan jalanraya satu lorong bagi kedua-dua hala dan peningkatan jumlah kenderaan menjadi punca kesesakan teruk di kawasan itu.

"Sudah enam tahun saya hadap kesesakan kerana menetap di Taman Alam Budiman. Tetapi empat tahun kebelakangan ini keadaan (kesesakan) semakin teruk.

"Ini kerana penduduk semakin meningkat terutamanya di kawasan Puncak Alam dan

## TINJAUAN ORANG RAMAI

**Shah Alam:** Masalah kesesakan di Persiaran Mokhtar Dahari, Jalan Sungai Buloh dan Persiaran Surian tidak asing kepada pengguna di tiga laluan itu sejak 15 tahun lalu.

Rata-rata pengguna sudah tidak sanggup lagi menempuh kesesakan teruk di laluan berkenaan dan




## DASH KURANGKAN KESESAKAN JANGKAAN PENGURANGAN TRAFIK



PERSIARAN MOKHTAR DAHARI  
**39%**



JALAN SUNGAI BULOH  
**33%**



PERSIARAN SURIAN  
**43%**

# LEBUHRAYA DASH B... MENGGEMBIRAKAN

METRO AHAD C

## ↳ PENYELESAIAN

mengharapkan laluan alternatif bagi kelancaran lalu lintas.

Persiaran Mokhtar Dahari dahulunya dikenali sebagai Jalan Batu Arang adalah tulang belakang menampung kemajuan puluhan kawasan kediaman baharu seperti di Puncak Perdana, Puncak Alam dan Saujana Utama Meru.

Faktor ekonomi dan lokasi jauh dari kesibukan kota, menjadi tarikan warga Lembah Klang memilih kawasan itu sebagai tempat tinggal.

Walaupun peningkatan kediaman di kawasan itu begitu pesat tetapi masih ada kekurangan kemudahan seperti pusat pendidikan dan komersial.

Ini menyebabkan ratusan ribu penduduk di Alam Budiman, Sunway Kayangan, Cahaya SPK, Kayangan Height, Nusa Rhu, Hillpark dan Eco Grandeur, terpaksa keluar dari kawasan itu untuk ke sekolah atau bekerja di Kuala Lumpur, Petaling Jaya serta Subang Jaya.

Jumlah kenderaan yang banyak dalam satu masa terutamanya pada waktu puncak, ditambah pula hanya ada satu jalan menyebabkan kesesakan teruk dan kerap terjadi kemalangan di Persiaran Mokhtar Dahari.

Perkara ini diakui **Tengku Ahmad Tengku Abd Jalil**, 52, yang pernah terperangkap dalam kesesakan selama satu setengah jam untuk pulang ke rumahnya hanya pada jarak dua kilometer.

"Saya berasa tertekan jika terperangkap dalam kesesakan dalam tempoh lama.

"Kesesakan di kawasan ini bermula

seawal jam 6.30 pagi kerana banyak kenderaan dari arah Saujana Utama, Puncak Alam dan Kuala Selangor menggunakan laluan ini menuju ke Shah Alam, Damansara serta Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, kebiasaannya kesesakan sehingga jam 9 pagi tetapi boleh berlanjutan ke jam 11 pagi jika hujan dan berlaku kemalangan.



Saujana Utama," katanya.

Katanya, disebabkan itu juga dia memilih menunggang motosikal untuk menghantar anak ke sekolah di Puncak Perdana bagi mengelakkan bersesak dengan kenderaan lain.

**Jania Johar**, 37, berkata, dia pernah membatalkan untuk menghantar anak ke latihan taekwondo kerana sudah terlewat disebabkan terperangkap dalam kesesakan terlalu lama.

"Kesesakan di sini, berlaku pada waktu puncak pagi dan petang ada kalanya tidak boleh hendak dijangka.

"Saya jarang keluar rumah pada waktu itu (pagi dan petang) kerana tidak suka terperangkap dalam kesesakan.

"Jika terpaksa keluar akan pastikan tidak melalui Persiaran Mokhtar Dahari, sebaliknya memilih laluan alternatif iaitu jalan pintas menghala Denai Alam," katanya.

Sementara itu pelakon dan pengacara **Irma Hasmie** berkata, dia menetap di Denai Alam sejak tiga tahun lalu selepas membeli rumah kerana tertarik kawasan itu bakal mempunyai Lebuhraya DASH yang memendekkan perjalanan ke Damansara.

"Setiap hari saya menggunakan laluan di Jalan Sungai Buloh, Persiaran Surian dan Persiaran Mokhtar Dahari untuk melaksanakan urusan peribadi di Damansara serta menguruskan perniagaan di Kota Damansara.

"Saya pernah terperangkap dalam kesesakan sehingga satu setengah jam terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang,"katanya.

Katanya, ada kalanya kesesakan ini juga menyebabkan dia lewat bertemu pelanggan atau mengambil anak pulang dari sekolah.

"Apabila lama terperangkap dalam kesesakan, sedikit sebanyak akan mengganggu pengurusan masa rumah tangga.

"Saya berharap lebuhraya ini dapat disiapkan segera dan semestinya akan menggembirakan ribuan pengguna laluan berkenaan,"katanya.



Jania Johar



Irma Hasmie

Ketua Pegawai Eksekutif PROLINTAS, **Datuk Mohammad Azlan Abdullah** berkata, pembinaan Lebuhraya DASH sebagai sistem penyuruaian trafik berkesan yang mengurangkan 39 peratus kesesakan di Persiaran Mokhtar Dahari, Jalan Sungai Buloh (33 peratus) dan Persiaran Surian (43 peratus).

Menurutnya, lebuhraya sepanjang 20.1 kilometer itu dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan 2021.

"DASH menjadi laluan alternatif yang mampu melancarkan perjalanan pengguna dengan menjimatkan masa perjalanan sehingga 43 minit dan jarak 9.9 kilometer.

"Istimewanya DASH ini ialah menghubungkan beberapa lebuhraya di Lembah Klang seperti Penchala Link atau Lebuhraya SPRINT, Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE)," katanya.

Projek Rintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) adalah syarikat pemegang pelaburan bagi Projek Rintasan Damansara-Shah Alam Sdn Bhd yang merupakan syarikat konsesi bagi Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH). PROLINTAS ialah sebuah syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi anak-anak syarikatnya yang

**Persiaran Mokhtar Dahari**

menguruskan beberapa lebuhraya di Lembah Klang seperti Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH), GCE, Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA), Lebuhraya Kajang SILK (SILK) serta yang dalam pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUIKE).

PLAZA TOL DENAI ALAM

Alam Suria

Perdana Heights

Sunway Alam Suria

Cahaya SPK


**PUNCAK PERDANA**



Struktur DASH di Jalan Teknologi Kota Damansara



[www.prolintas.com.my](http://www.prolintas.com.my) | [www.mydash.com.my](http://www.mydash.com.my)



Syarikat konsesi



LEBUHRAYA DASH

Kos Pembinaan **RM5 bilion**

Panjang keseluruhan **20.1 Kilometer**

Mula projek **2016**

Jangkaan siap **Pertengahan 2021**

CIRI-CIRI LEBUHRAYA

Lebuhraya bertingkat

Tiga lorong dan laluan dua hala

**13** Persimpangan

AKAL PENGGUNA

241 01 / 2021

MIS 24 & 25

- Jajaran dicadangkan
- Persimpangan (13 nos)
- Plaza Tol (3 nos)
-



**KAJARAN DASH**



*'Spaghetti Link' yang merentasi LDP di kawasan Penchala*



**2**  
Kawasan Rehat dan Rawat



Bermula dari Puncak Perdana dan berakhir di Penchala Link

**MANFAAT LEBUHRAYA DASH**

**EKONOMI**

Dipacu oleh Program Transformasi Ekonomi (ETP), DASH adalah projek di bawah inisiatif Projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP).



DASH ialah satu daripada 53 projek berimpak tinggi. Mewujudkan peluang pekerjaan dalam kepakaran kejuruteraan, menjana limpahan perniagaan dan aktiviti ekonomi kepada penduduk di Kuala Lumpur serta sekitar Lembah Klang.

DASH akan menjana produktiviti lebih baik, jimat petrol dan perjalanan menjadi lebih pantas.



**PENGGUNA**

Laluan alternatif ke Persiaran Surian di Kota Damansara dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz.



Melancarkan lalu lintas di sepanjang laluan Shah Alam dan Persiaran Mokhtar Dahari.

Penghubung bahagian timur dan barat Lembah Klang, pintasan NKVE yang menghubungkan GCE, LDP dan Lebuhraya SPRINT.



Mengatasi kesesakan lalu lintas yang berkesan di kawasan Kwasa Damansara, Elmina dan kawasan pembangunan di sepanjang Shah Alam hingga Damansara.